

1060- KRISIS KOS SARA HIDUP DAN KESAN GANGGUAN TERHADAP KESEJAHTERAAN INSTITUSI KELUARGA

NUR ZULFAH BINTI MD ABDUL SALAM

Fakulti Syariah dan Undang-undang

Universiti Islam Selangor (UIS)

nurzulfah@kuis.edu.my

PROF MADYA DR. NOR'ADHA BINTI AB HAMID

Fakulti Syariah dan Undang-undang

Universiti Islam Selangor (UIS)

noradha@kuis.edu.my

DR. NORZIAH BINTI OTHMAN

Fakulti Pengurusan dan Muamalah

Universiti Islam Selangor (UIS)

norziah@kuis.edu.my

DR NURKALIZA BINTI KHALID

Fakulti Multimedia Kreatif dan Komputeran

Universiti Islam Selangor (UIS)

nurkaliza@kuis.edu.my

MOHD FAROK BIN MAT NOR

Fakulti Syariah dan Undang-undang

Universiti Islam Selangor (UIS)

farok@kuis.edu.my

MUHAMMAD NAQIB BIN SAHRANI

Fakulti Syariah dan Undang-undang

Universiti Islam Selangor (UIS)

23mt21001@kuis.edu.my

ABSTRAK

Kos sara hidup adalah kos yang terpaksa ditanggung oleh isi rumah bukan sahaja untuk memenuhi keperluan asas seperti makanan, pakaian, kenderaan dan tempat tinggal tetapi juga keperluan-keperluan lain untuk keselesaan hidup termasuk kos pendidikan, kos sambungan jalur lebar dan kos pembaikpulihan kenderaan serta kos-kos sampingan kegunaan harian yang lain. Sekiranya kos sara hidup merosot atau tidak dapat dipenuhi dengan baik, ianya sedikit sebanyak menjejaskan kesejahteraan keluarga. Ianya kerana sebahagian keperluan keluarga dan kelangsungan hidup tidak dapat dipenuhi. Kenaikan kos sara hidup terus mengundang rungutan dan rintihan daripada rakyat terutama melibatkan harga barangan pengguna. Isu kenaikan kos sara hidup ini juga menjadi perbualan hangat rakyat di mana-mana. Kajian ini menggunakan metodologi kualitatif melalui analisis teks akhbar, penulisan ilmiah, jurnal dan buku serta temubual separa struktur. Hasil dapatan mendapati, peningkatan kos sara hidup adalah realiti yang harus diharungi oleh penduduk sesebuah negara terutama oleh golongan yang berpendapatan sederhana dan rendah. Sebagai contoh, kenaikan harga keperluan dapur, kadar faedah bank, kos pendidikan anak dan kos perubatan. Impak ketika zaman pandemik berkenaan kesusahan menguruskan ekonomi keluarga masih lagi berterusan sehingga kini walaupun telah memasuki peralihan dari pandemik ke endemik. Institusi keluarga terus bergelut dalam menangani masalah kos sara

hidup sehingga mengakibatkan ianya menjadi satu krisis yang perlu ditangani bersama dan sokongan utama kerajaan.

Kata Kunci: Kos, Sara Hidup, Krisis, Institusi, Keluarga

PENGENALAN

Malaysia merupakan negara berpendapatan sederhana yang melangkah ke arah negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2024. Walaubagaimanapun, kesan krisis COVID-19 dilihat telah menjejaskan pertumbuhan ekonomi Malaysia dan kini negara masih berada pada fasa pemulihan ekonomi (Nurfitriyah Salihah et al., 2022) serta menerima impak hebat dalam krisis sara hidup. Peningkatan kos sara hidup adalah realiti yang harus diharungi oleh penduduk sesebuah negara terutama oleh golongan yang berpendapatan sederhana dan rendah. Ramai dalam kalangan penduduk di Malaysia rata-rata membuat dua pekerjaan semata-mata untuk menampung kos sara hidup yang dikatakan membebankan rakyat pada masa kini. Bukan sahaja untuk menampung kenaikan harga barangan malah bagi pendidikan yang harus diberikan kepada anak-anak. Pendidikan merupakan keperluan kepada anak-anak kerana tanpa pendidikan anak-anak tiada hala tuju pada masa akan datang.

Kos sara hidup di Malaysia dikatakan jauh lebih rendah jika dibandingkan dengan negara-negara lain (Nazri & et al., 2022). Walaubagaimanapun, kita perlu sedar bahawa nilai gaji yang diterima di Malaysia juga adalah lebih rendah berbanding negara-negara lain. Kenyataan ini dibuktikan melalui ucapan Menteri Ekonomi Malaysia iaitu Rafizi Ramli dalam Majlis Pelancaran Belanjawanku di Sungai Buloh pada 13 Jun 2023. Dalam kenyataannya, Rafizi menyatakan pertumbuhan gaji di Malaysia adalah masih rendah berbanding negara serantau lain, sekali gus memerlukan langkah segera bagi menutup jurang berkenaan. Malah, nisbah hasil ekonomi yang diberi kepada pekerja dalam bentuk gaji dan pampasan turut rendah ketika ini iaitu hanya pada kadar sekitar 36 peratus. gaji dan upah adalah perkara utama yang perlu diselesaikan oleh kerajaan selain peningkatan harga barang di dalam indikator kos sara hidup rakyat. Beliau juga menegaskan semua pihak termasuk kerajaan perlu memberikan fokus kepada soal menaikkan gaji kerana apabila memperkatakan mengenai kos sara hidup selama ini, ia hanya tertumpu kepada soal harga semata-mata. [Pertumbuhan gaji rakyat Malaysia masih rendah \(bharian.com.my\)](https://www.bharian.com.my).

Melalui penjelasan tersebut dapat difahami bahawa, rakyat merasa terbeban dengan peningkatan kos sara hidup di atas faktor gaji yang diterima di Malaysia yang tidak setimpal dengan kos yang ditanggung. Sekaligus mengakibatkan institusi keluarga di Malaysia terdedah kepada gangguan dalam menjalani kehidupan yang normal disebabkan berlakunya kelompongan dalam menguruskan perbelanjaan keluarga secukupnya. Perbelanjaan keluarga ini merangkumi keperluan hidup seperti makanan, pakaian, tempat tinggal, kenderaan dan perubatan. Kesemua ini adalah saling berkait dalam menentukan kesejahteraan institusi keluarga di Malaysia.

OBJEKTIF KAJIAN

Tujuan utama kajian ini ialah untuk memahami meneroka dan memahami permasalahan yang dihadapi oleh ketua keluarga di Malaysia dalam menghadapi masalah atau isu berkaitan sara hidup di Malaysia.

METODOLOGI KAJIAN

Bagi menjalankan kajian ini, penyelidik telah menggunakan pendekatan penyelidikan kualitatif dan kaedah persampelan. Seramai 45 orang ketua keluarga (responden) telah dikenalpasti di lapan negeri di Malaysia. Responden-responden ini yang bertindak selaku ketua keluarga ini terdiri dari lelaki dan perempuan dalam lingkungan usia 30 ke 70 tahun, Temubual separa struktur juga telah dibuat bersama ketua keluarga tersebut bagi mendapatkan dapatan dan kehendak kajian. Kajian juga merujuk kepada analisis dokumen yang dirujuk dari Indeks Kesejahteraan Keluarga Malaysia 2019 melalui Sembilan domain kesejahteraan keluarga.

SOROTAN LITERATUR

Isu kenaikan kos sara hidup merupakan satu isu global yang dihadapi oleh banyak negara yang sedang membangun. Malahan, negara-negara maju seperti Amerika Syarikat dan Jepun juga turut berhadapan dengan masalah kenaikan kos sara hidup rakyat mereka (Wahab & et al., 2018). Malaysia secara tidak langsung juga turut menghadapi masalah kos sara hidup yang tinggi. Menurut Worldwide Cost of Living Survey 2023 Kuala Lumpur secara amnya telah menduduki tempat ke 94 dalam bandar termahal di dunia. Isu kenaikan kos sara hidup di Malaysia merupakan isu berulang yang telah melanda negara sejak lama lagi. Kenaikan kos sara hidup semakin membelenggu kehidupan rakyat sebaik selepas Covid-19 melanda dunia.

Malaysia juga menerima tempias yang amat hebat apabila ramai dari kalangan rakyatnya terjejas ekoran Covid-19. Peningkatan kos sara hidup berlaku akibat dari kenaikan harga barangan yang ketara, tekanan inflasi, peningkatan pendapatan yang perlahan serta corak perbelanjaan isi rumah yang melebihi pendapatan. Kumpulan isi rumah yang berpendapatan rendah merupakan kumpulan yang paling terdedah kepada isu kos sara hidup. Penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada Mac 2020 ekoran wabak covid-19 telah mengakibatkan sebahagian rakyat kehilangan mata pencarian atau sekurang-kurangnya berlaku penyusutan dalam pendapatan mereka (Shamsuddin & et al., 2022). Secara tidak langsung ia juga turut memberikan kesan ke atas institusi keluarga di Malaysia.

Kajian terdahulu telah menyatakan usaha kerajaan Malaysia pada pada dasarnya sedang membawa Malaysia menuju ke arah negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Namun isu kenaikan kos sara hidup ternyata menjadi antara cabaran yang besar. Menyedari perkara ini, kerajaan Malaysia telah meletakkan fokus menangani kos sara hidup sebagai salah satu bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) di dalam Rancangan Malaysia ke- 11 (RMK11). Malah semenjak RMK10, pelbagai inisiatif dan bantuan kerajaan telah disediakan kepada isi rumah untuk membantu menangani masalah kenaikan kos sara hidup (Mohd Aqmin, 2018). Usaha ini masih lagi diteruskan sehingga kini melalui Rancangan Malaysia ke- 12 (RMK12) namun ianya diperhalusi kepada bantuan tersalur kepada golongan sasar dan mengatasi ketirisan. KPDNHEP (Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna) juga sudah memulakan kajian

rasionalisasi subsidi untuk mengenal pasti modul pemberian subsidi yang berimpak dan sampai kepada golongan sasaran. (Sinar Harian, 2021).

Purata kos sara hidup di Malaysia juga berbeza-beza bergantung kepada faktor seperti lokasi, gaya hidup dan saiz keluarga. Bagaimanapun, menurut anggaran baru-baru ini, seorang bujang boleh mengharapkan untuk membelanjakan sekitar RM 2,500-3,500 sebulan untuk perbelanjaan sara hidup, manakala empat keluarga boleh menjangkakan untuk membelanjakan sekitar RM 7,000-9,000 bagi tempoh sebulan. Untuk kehidupan yang memungkinkan kehidupan dengan selesa, isi rumah tersebut perlu mempunyai pendapatan antara RM 6,590 dan RM 17,600 (Worldwide Cost of Living Survey, 2023).

Kajian Indeks Kesejahteraan Keluarga di bawah Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) merupakan salah satu usaha kerajaan bagi meningkatkan kualiti hidup masyarakat serta kesejahteraan keluarga. Ia dilaksanakan dengan kesedaran kepentingan keluarga sebagai unit asas sosial yang menyedia dan membekalkan sumber modal insan untuk pembangunan negara. Justeru itu, LPPKN telah menjalankan Kajian Indeks Kesejahteraan Keluarga Malaysia pada tahun 2019 untuk mengukur tahap kesejahteraan keluarga dan seterusnya mencadangkan polisi dan program intervensi yang bersesuaian bagi memantap dan mengukuhkan lagi institusi keluarga (Abdul Wahab Md. Ali et al, 2021). Bagi memastikan IKK terus relevan, domain dan indikator yang digunakan dalam kajian tersebut telah disemak dan dikemaskini agar seiring dengan perkembangan semasa (Kenyataan Media Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, 2020). IKK menggunakan skor 10 sebagai skala maksimum di mana semakin tinggi nilai skor yang diperolehi, menunjukkan tahap kesejahteraan keluarga yang lebih baik. Dalam kajian ini, tahap kesejahteraan keluarga dikategorikan kepada tiga iaitu rendah (skor 0-4), sederhana (skor 5-7) dan tinggi (skor 8-10).

Istilah kesejahteraan merupakan suatu pernyataan yang sangat luas dan meliputi pelbagai aspek yang berbeza. Pelbagai kajian dilakukan untuk membincangkan aspek kesejahteraan dengan pendekatan yang tertentu. Secara umumnya, kesejahteraan merupakan istilah yang menggambarkan suatu keadaan yang baik. Kesejahteraan adalah konsep yang meliputi kesejahteraan hidup seseorang di dunia dan akhirat yang boleh diukur secara objektif, subjektif, umum atau kawalan tertentu dan boleh digunakan sebagai kaedah pengukuran tahap kemiskinan. Kesejahteraan juga merupakan suatu matlamat hidup setiap individu dari pelbagai aspek seperti kedudukan ekonomi, status sosial, aliran politik, sosiopsikologi dan fizikal seseorang yang boleh dipengaruhi oleh beberapa faktor (Laily & et al., 2004). Jika melihat kepada pandangan tersebut, adalah sukar untuk mengukur tahap kesejahteraan seseorang kerana pendekatan dan persepsi kesejahteraan adalah berbeza-beza bagi setiap individu yang diukur (Zainal & et al., 2003).

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Analisis perbincangan difokuskan kepada dapatan kajian melalui info yang diterima dari Responden melalui kaedah persampelan dan perbincangan meja bulat bersama Informan dari agensi kementerian di Malaysia.

Secara umumnya, terdapat lapan tema berkaitan kesejahteraan keluarga yang telah dikenalpasti daripada kajian ini. Tema-tema utama yang terhasil merupakan tema yang dipetik dari Domain Indeks Kesejahteraan Keluarga Malaysia 2019 (IKK 2019) Lembaga

Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN). Lapan tema tersebut adalah hubungan kekeluargaan, ekonomi keluarga, kesihatan keluarga, keselamatan keluarga, komuniti, kerohanian, perumahan dan persekitaran, dan teknologi komunikasi.

Rajah 1: Infografik Domain IKK 2019



Sumber : Laman Sesawang Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN)

Demografi Responden


Seramai 45 responden yang telah ditemu bual dalam kajian ini bagi mengenalpasti masalah dan isu yang timbul berkenaan kos sara hidup dalam menjamin kesejahteraan institusi keluarga di Malaysia.

Jadual 1: Taburan Responden meikut Negeri Bermastautin

Negeri Bermastautin	Kekerapan	Peratus
Kedah	1	2.2
Negeri Sembilan	7	15.6
Perak	1	2.2
Pulau Pinang	1	2.2
Sabah	4	8.9
Selangor	28	62.2
Terengganu	1	2.2
Wilayah Persekutuan	2	4.4

Merujuk kepada Jadual 1 di atas, 62.2 peratus responden yang terlibat merupakan ketua keluarga yang menetap di Selangor. Manakala 15.6 peratus responden menetap di Negeri Sembilan diikuti 8.9 peratus dari Sabah, 4.4 peratus dari Wilayah Persekutuan dan 2.2 peratus masing-masing dari Kedah, Perak, Pulau Pinang dan Terengganu.

Jadual 2: Taburan Kekurangan Responden mengikut jantina



Merujuk kepada Jadual 2 di atas Responden yang ditemubual adalah terdiri dari ketua keluarga yang terdiri dari lelaki dan wanita. 75 peratus responden merupakan ketua keluarga dalam kalangan lelaki dan selebihnya 24 peratus adalah Perempuan.

Jadual 3 : Taburan Responden mengikut Umur

Umur	Kekerapan	Peratus
18 hingga 29 tahun	3	6.7
30 hingga 39 tahun	15	33.3
40 hingga 49 tahun	15	33.3
50 hingga 59 tahun	6	13.3
60 hingga 69 tahun	4	8.9
70 tahun ke atas	2	4.4

Merujuk kepada Jadual 3 di atas 66.6 peratus responden berumur dalam lingkungan 30 hingga 49 tahun dan selebihnya iaitu 26.7 peratus adalah mereka dalam kalangan yang berumur 50 tahun ke atas manakala hanya 6.7 peratus adalah mereka yang berumur 18 hingga 29 tahun.

Hasil kajian mendapati hampir kesemua responden bersetuju kos sara hidup berkait dalam menentukan kesejahteraan institusi keluarga di Malaysia. Hakikatnya di Malaysia ini masih ramai ketua keluarga yang bergelut dalam memberikan kepuasan kepada ahli keluarga dalam semua keperluan.

Hubungan Kekeluargaan dan Kerohanian

Ada dikalangan responden menegaskan berlaku ketidakcukupan masa dalam menjaga hubungan kekeluargaan dengan baik ekoran daripada kesibukan bekerja dan membuat kerja lebih masa hasil daripada masalah kedudukan ekonomi keluarga yang kurang menentu.

.... Ada kalanya tak sempat nak tengok atau tanya masalah keluarga dan nak ambik tahu keperluan anak-anak...semua isteri urus sebb kita kerja pagi balik petang..malam pun ada buat kerja tambahan juga....(Responden 22)

Namun ada juga yang menegaskan walaupun pendapatan tidak banyak, namun menjaga hubungan adalah penting dalam menentukan kesejahteraan keluarga.

.... Duit memang tak cukup, zaman sekarang ni susah tapi apa-apa pun keluarga kena jaga..Takpa duit tak ada dan tak cukup yang penting kita ada keluarga yang faham..jadi hidup ja la denga apa yang ada....(Responden 15)

.... Sibuk kerja cari duit pun, tapi solat tetap dengan keluarga berjemaah lah....(Responden 40)

Ekonomi Keluarga

Kestabilan ekonomi keluarga menunjukkan keluarga tersebut mempunyai sara hidup yang bagus dan dapat melahirkan keluarga yang cukup sejahtera. Hampir kesemua responden bersetuju dengan kenyataan ini.

.... Kalau ekonomi keluarga stabil, semua dapat beli, nak pinjam *loan* pun senang...ni gaji pun ciput ja..apa ja yang dapat..banyak terkilan tak mampu sediakan kat keluarga (Responden 3)

.... Ya keluarga kalau ekonomi tak stabil banyak risikonya tu yang ada kena buat dua kerja tu...sebab duit tak cukup....pendidikan anak lagi, barang dapur lagi, nak bayar hutang bank... (Responden 10)

.... Betul. rasanya pekerjaan macam kerajaan dan Syarikat yang besar ja gaji cukup...ekonomi keluarga pun bagus.. (Responden 18)

Namun, ada juga responden menegaskan bahawa, untuk menstabilkan ekonomi kerajaan juga kena memandang serius kepada isu gaji dan peluang pekerjaan bagi rakyat. Lebih-lebih pekerjaan tersebut semestinya perlu mempunyai tangga gaji yang selayaknya dengan sara hidup pada masa ini.

.... Emmmm, macammana nak kukuhkan ekonomi keluarga kalau gaji sedia ada tak cukup...jadi kadang-kadang sara hidup tu jadi sukar juga.. banyak benda kena cut..tak boleh beli walaupun perlu (Responden 31)

.... Gaji yang ada tak cukup, susah nak senangkan keluarga sebab ekonomi keluarga pun jatuh bangun..antaranya sebab kerja pun gaji kecil ja.... (Responden 19)

Kesihatan, keselamatan keluarga dan komuniti

Keluarga yang sihat merupakan tunggak penting dalam melahirkan individu dan komuniti sejahtera. Namun, dalam situasi di Malaysia ketika ini ramai yang merasa terbeban mempunyai tekanan emosi dalam memikirkan urusan kewangan keluarga masing-masing.

Setiap dari ketua keluarga bersetuju bahawa emosi mereka amat terganggu dengan kesan kos sara hidup dan kenaikan kos barang-barang keperluan.

.... Emosi sangat tak stabil, zaman susah sekarang ni..sakit pun payah nak pi hospital...kalau swasta kena keluar duit lagi..kalau kerajaan kena tunggu lama pula..kerja tak boleh cuti.... (Responden 28)

.... Saya pernah laaa mengalami tekanan emosi *depression* sebab masa duit tak cukup.. sekarang pun kadang-kadang emosi juga..situasi sekarang banyak tekanan..... (Responden 43)

Ada yang mencadangkan bahawa disebabkan kesihatan sangat penting dalam pertumbuhan kehidupan institusi keluarga dan komuniti, maka setiap keluarga di Malaysia ini hendaklah dilindungi dengan insuran kesihatan yang diwajibkan atau dibiayai sebahagiannya oleh kerajaan.

.... Kita pergi buat *checkup* secara berkala untuk pastikan semua ahli keluarga benar-benar sihat..lagi-lagi kesihatan mental..kos tu mungkin boleh diwajibkan melalui insuran kesihatan atau pembiayaan percuma oleh kerajaan....dalam satu komuniti tu kita kena pastikan semua sihat tak tersisih....(Responden 2)

...Kesejahteraan komuniti bergantung kepada kesihatan individu dan keluarga dan yang demikian ia tidak boleh diabaikan. Keluarga yang sihat berasal dari individu yang baik dan mesti sejahtera dalam keluarga... (Responden 17)

Perumahan Dan Persekitaran,

Tempat kediaman yang kondusif dan selesa juga berkait dalam membina dan memastikan kesejahteraan keluarga. Tempat kediaman merupakan rumah untuk keluarga tinggal dan anak-anak membesar. Justeru, ketua keluarga perlu memastikan tempat tinggal dan persekitaran kediaman anak-anak adalah kondusif, selesa dan sesuai dengan gaya hidup mereka.

.... Saya rasa rumah ni perkara mustahak kita kena beli cana pun ,,sebb tempat tinggal anak-anak.Dah kahwin ada anak kena beli rumah....(Responden 11)

....Ya betul..persekitaran tempat tinggal tu mustahak..kena ada untuk keluarga yang selesa..... (Responden 17)

Namun, ada juga ketua keluarga mengakui mereka tidak mampu membeli rumah atas factor kos sara hidup dan hanya menunggu sekiranya ada peluang untuk mendapat bantuan dari kerajaan bagi rumah yang lebih selesa.

.... Saya tak mampu.anak ramai..rumah mampu bilik kecik ja..nak tunggu ada duit tak tau bila..jadi menyewa ja dah kat 10 tahun....(Responden 21)

Teknologi Komunikasi.

Peranti, jaringan internet dan komputer riba merupakan alatan teknologi yang sangat diperlukan ketika ini. Kanak-kanak di sekolah juga memerlukan bantuan komputer riba untuk kegunaan dalam pembelajaran. Disamping hal tersebut wifi dan jaringan internet juga merupakan sumber teknologi yang paling diperlukan untuk kegunaan seharian. Namun, di Malaysia pada hari ini ada dikalangan ahli keluarga yang memilih untuk mengurangkan kos sara hidup dengan tidak menggunakan wifi. Malah ada juga ketua keluarga tidak dapat memenuhi keperluan peranti bagi anak-anak seperti komputer riba untuk kegunaan pendidikan akibat kedudukan kewangan keluarga disamping kos pembelian alatan tersebut yang agak mahal.

.... Anak-anak mestilah nak laptop, tapi kadang-kadang kita tak mampu nak belikan tuk semua anak...tu yg zaman PKP tu ada anak payah nak study..sebab tak masuk kelas *online*....(Responden 15)

...Mahal..dan ada keperluan mendesak lain..tak boleh nak peruntukan kewangan beli..... (Responden 15)

Rata-rata responden juga bersetuju bahawa, kos sara hidup juga menjadi punca bahawa setiap keluarga di Malaysia ini ada kalanya tidak mampu menyediakan peranti teknologi dan wifi untuk kegunaan keluarga.

.... Internet penting tapi tak boleh nak sediakan..sbb banyak lagi kos lain nak tanggung..zaman sekarang ni belanja tinggi....(Responden 39)

.... Rumah takda langsung internet...tak mampu.. (Responden 6)

KESIMPULAN

Pandemik Covid-19 menyaksikan bahawa kehidupan manusia tidak sama lagi seperti sebelum ini. Perubahan ini melibatkan banyak aspek kehidupan manusia terutamanya dalam aspek pekerjaan, pendidikan, kesihatan, keselamatan, kebajikan, aktiviti keagamaan, hubungan sosial dan kehidupan harian yang lain. Dalam menghadapi norma baharu ini, ketua keluarga mestilah berfikiran positif dan kreatif bagi memastikan ahli keluarga sentiasa terjaga dan terpelihara baik dari segi kesihatan rohani dan jasmani (Othman et al., 2021). Tidak dapat dinafikan, terlalu banyak cabaran dan impak yang dilalui oleh ketua keluarga dan ahli keluarga yang menyebabkan kestabilan institusi kekeluargaan terganggu. Masalah kehilangan sumber pendapatan samada secara kekal atau sementara juga masih gawat dibincangkan. Walaupun negara kini telah beralih ke fasa endemik, namun rentetan dari Pandemik Covid-19 telah cukup melesukan rakyat dengan isu kos sara hidup yang semakin membimbangkan.

Kos sara hidup merujuk kepada jumlah perbelanjaan untuk barangan dan perkhidmatan yang ditanggung oleh isi rumah untuk mengekalkan taraf hidup pada tahap tertentu. Kos sara hidup yang meningkat mempengaruhi corak perbelanjaan isi rumah berdasarkan pendapatan isi rumah, demografi, struktur keluarga dan kawasan kediaman dan perubahan harga yang dihadapi adalah berbeza, terutamanya mengikut faktor geografi. Sesebuah keluarga dikatakan memiliki taraf hidup yang merosot sekiranya pendapatan yang diterima berada pada kadar yang lebih rendah berbanding dengan kos sara hidup pada masa sekarang. Kos sara hidup

bukan sahaja menjadikan rakyat terpaksa berhadapan dengan pendapatan yang tidak mencukupi, malah simpanan dan pelaburan juga tidak mampu dilakukan kerana pendapatan hanya cukup untuk keperluan semasa sahaja. Didapati bahawa pendapatan bulanan isi rumah Malaysia berdasarkan Penyiasatan pendapatan isi rumah dan kemudahan asas, adalah sebanyak RM6,141 dan perbelanjaan isi rumah Malaysia adalah sebanyak RM3,578 sebulan tidak termasuk dengan tolakan cukai (Mohd Aqmin, & et al., 2018). Kini ianya semestinya semakin meningkat ekoran daripada isu peningkatan kos sara hidup di peringkat global ketika ini.

Peningkatan kos sara hidup yang drastik ini amat mengganggu situasi rakyat akibat ketidakcukupan pendapatan untuk menampung keperluan asas serta bebanan hutang yang ditanggung bagi menampung kenaikan kos barangan, perkhidmatan dan juga keperluan harian. Meskipun pertumbuhan ekonomi domestik berkembang dengan lebih kukuh pada suku pertama tahun 2022 namun Malaysia merupakan antara negara yang mempunyai kadar hutang yang tinggi bagi isi rumah jika dibandingkan dengan negara lain iaitu pada kadar 140 peratus. Ini merupakan petanda tidak baik yang akan mendatangkan pelbagai implikasi buruk kepada psikologi, sosial, keselamatan dan juga pengangguran (Portal Kementerian Kewangan Malaysia, 2023)

PENGHARGAAN

Penulis merakamkan ucapan terima kasih kepada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) yang membiayai dana melalui geran penyelidikan Fundamental Research Grant Scheme (FRGS) - Kod Projek: FRGS/1/2022/SS10/KUIS/03/1 - yang membolehkan penulis untuk menjalankan penyelidikan berkaitan.

RUJUKAN

- Laily, P. (2004). Konsep, Definisi dan Pengukuran Kesejahteraan. Dlm. Laily, P. & Nurizan, Y. (Eds.), *Kesejahteraan Isi Rumah Johor Darul Takzim (1-22)*. Serdang, Selangor: Universiti Putra Malaysia.
- Nazri, M. Z. M., & Khalid, N. (2022). Kajian Hubungan Jangka Masa Panjang Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Peningkatan Kos Sara Hidup di Malaysia. *Jurnal Dunia Pengurusan*, 4(3), 1-13.
- Nurfitriyah Salihah Shahrin, Azri Bhari, Mohd Faiz Mohamed Yusof, Mohd Ashrof Zaki Yaakob (2022). Analisis Kaedah Penentuan Kemiskinan Pasca COVID-19, *Al-Qanatir International Journal of Islamic Studies*, 25(1)
- Mohd Aqmin, A. B., Hazrul Izuan, S., Mustazar, M., & Mohd Azlan, S. Z. (2018). Kos Sara Hidup Tinggi di Malaysia: Pertumbuhan Pendapatan Isi Rumah yang Perlahan atau Taraf Hidup yang Meningkatkan?(The Rising Cost of Living in Malaysia: A Slow Household Income Growth or Increasing Standard of Living). *Jurnal Ekonomi Malaysia*, 52(1), 117-133.
- Othman, K., & dan Pengurusan, F. K. (2021). Cabaran dan impak pandemik covid-19 terhadap institusi kekeluargaan di malaysia. *International Journal for Studies on Children, Women, Elderly and Disabled*, 14, 187-196.
- Shamsuddin, K. B. B., Wahab, B. H., & Salleh, S. M. (2022). ANALISIS KOS SARA HIDUP PENERIMA ZAKAT DALAM KALANGAN PELAJAR UNIVERSITI SEMASA ERA COVID-19. *Journal website: journal. zakatkedah. com. my*, 4(2).

- Wahab, M. A. A., Shahiri, H. I., Mansur, M., & Zaidi, M. A. S. (2018). Kos sara hidup tinggi di Malaysia: Pertumbuhan pendapatan isi rumah yang perlahan atau taraf hidup yang meningkat. *Jurnal Ekonomi Malaysia*, 52(1), 117-133.
- Zainal, N., Abdul Rahim, H., & Sabri, M. F. (2017). Kesejahteraan kewangan dalam kalangan ibu tunggal di Negeri Sembilan. *Jurnal Pengguna Malaysia*, 29, 38-50.

Dalam Talian

Cost of Living Survey. 2023. [dalam talian].

Dilayari dari: [WorldRemit Data: 2023 Global Cost of Living Index Shows Significant Increases Since 2022 \(prnewswire.com\)](#) (akses pada 27 Oktober 2023).

Sinar Online. 2022. Projek bantu ringankan kos sara hidup rakyat. [dalam talian].

Dilayari dari: [Projek bantu ringan kos sara hidup rakyat ditambah baik dalam RMK12 - Sinar Harian](#). (akses pada 26 Oktober 2023)